

**NO SOALAN :43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN  
(BAYAN BARU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 07.10.2014**

**Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelan Kerajaan untuk membayar balik hutang (government guaranteed debt) 1MDB yang mencecah RM38 bilion. Senaraikan semua nama pengurus dana (fund managers) yang menguruskan dana-dana 1MDB di Cayman Island.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, hanya pinjaman bernilai RM5.8 bilion sahaja yang menerima jaminan eksplisit atau *explicit guarantee* daripada Kerajaan Malaysia. Selain daripada itu, 1MDB tidak menerima jaminan dari Kerajaan bagi pinjaman-pinjamannya yang lain.

Setakat ini 1MDB tidak pernah terlepas dari memenuhi obligasi jadual pembiayaan kewangannya. Kedudukan kewangan 1MDB tetap kukuh, disokong oleh aset-aset strategik yang mempunyai rekod prestasi yang terbukti di samping mempunyai peluang-peluang pertumbuhan yang utuh, seperti aset IPP dan aset hartanah strategiknya.

Pengurusan dana 1MDB adalah suatu transaksi persendirian. Institusi kewangan tempatan dan luar negara menganggap transaksi yang dijalankan adalah satu rahsia perdagangan, yang hanya boleh didedahkan kepada pihak ketiga dengan kebenaran.